

Sel Perhubungan Awam  
Markas Tentera Laut  
Kementarian Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
Kuala Lumpur  
Tel : 03-20713224  
Fax : 03- 26912058  
Portal : [www.navy.mil.my](http://www.navy.mil.my)  
E-mail : [pr\\_hq@navy.mil.my](mailto:pr_hq@navy.mil.my)



Public Relation Department  
RMN Headquarters  
Ministry of Defence  
Jalan Padang Tembak  
Kuala Lumpur  
Tel : 03-20713224  
Fax : 03- 26912058  
Portal : [www.navy.mil.my](http://www.navy.mil.my)  
E-mail : [pr\\_hq@navy.mil.my](mailto:pr_hq@navy.mil.my)

MTL/NTAD(SEK-PR)/3005 Jil.4 – ( 83 )

## SIARAN MEDIA

### LAWATAN KAPAL TENTERA LAUT DIRAJA AUSTRALIA, HMAS STUART KE MALAYSIA

TLDM mengeluarkan kenyataan rasmi seperti berikut:

1. Sebuah kapal Tentera Laut Diraja Australia (TLDA) HMAS STUART (FFH 153) telah merapat di Pelabuhan Awam Kota Kinabalu (PAKK), Sabah pada 7 November 2015 jam 10.00 pagi. Kapal ini berkelajuan maksimum 27 knot dan dianggotai seramai 25 pegawai dan 163 anggota di bawah pemerintahan Commander Aaron Nye. Kapal tersebut kelas ANZAC dibina oleh Tenix Defence System, Williamstown dan berpangkalan di Sydney.
2. Tujuan lawatan kapal ke PTKK adalah untuk ulang bekal dan beristirehat selama tiga hari mulai 7 hingga 9 November 2015 setelah menyertai Japanese Fleet Review dan Eks NICHI GHOU TRIDENT yang dilaksanakan di Yokosuka, Jepun pada awal bulan Okt 15. Persinggahan terakhir kapal ini sebelum memasuki Malaysia adalah Zhanjiang, China dan akan kembali ke pangkalan asal setamat lawatan operasi di Malaysia.
3. Kali terakhir HMAS STUART mengadakan lawatan ke Malaysia iaitu pada bulan September 2014 kerana terlibat dengan Eksesais BERSAMA LIMA 14. Acara rasmi yang diadakan adalah majlis makan tengahari bersama Pegawai Memerintah HMAS STUART, kunjungan hormat Pegawai Memerintah kapal ke atas Panglima Wilayah Laut 2 dan Panglima Markas Kapal Selam (MAKS) serta majlis resepsi anjuran TLDM di Wisma Kejora.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Pegawai PR : Lt Kdr Noorlida binti Rahaman TLDM  
No Tel Pejabat : 03-20713224  
No Hp : 013-5305012  
Email : pr\_mktl@yahoo.com.my  
Portal Rasmi : www.navy.mil.my  
Tarikh dikeluarkan : 7 November 2015